Pendakwa Raya lwn Jeffrey Nyoni

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–07 TAHUN 2000
WAN ADNAN MUHAMAD H
30 AUGUST 2007

Acara Jenayah — Hukuman — Memiliki dadah — Sama ada hukuman setimpal — Hukuman budibicara mahkamah — Sama ada hukuman penjara hendak bermula dari tarikh tertuduh ditangkap

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 12(2) — Sama ada pendakwaan telah menegakkan kes prima facie di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 37(j) — Sama ada ujian sampel telah dijalani dengan mengikuti peruntukan s 37(j) Akta tersebut

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 39B — s 12(2) Akta Dadah Berbahaya — Sama ada pendakwaan telah menegakkan satu kes prima facie di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya

Tertuduh telah didapati mempunyai milikan fizikal dadah heroin semasa dia memasuki Stesyen Bukit Kayu Hitam, Kedah dari Negara Thailand. Tertuduh kemudiannya telah dituduh di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada akhir kes pendakwaan, mahkamah memutuskan bahawa pendakwaan telah gagal menegakkan satu kes prima facie seperti pertuduhan tetapi telah berjaya membuktikan kes prima facie di bawah peruntukan s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Mahkamah selanjutnya menjatuhkan hukuman di bawah s 12(3) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Diputuskan, tertuduh didapati bersalah di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952:

(1) Pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa dadah heroin berada dalam milikan fizikal tertuduh dan juga tertuduh mengetahui

kewujudan barang salah tersebut memandangkan ia disorok begitu rapi bagi menghindarkan daripada di kesan (lihat perenggan 7).

(2) Daripada keterangan SP4, sampel yang diambil untuk ujian adalah kurang dari 10% setiap receptacle. Setiap receptacle hendaklah diwakili sampel tidak kurang daripada 10% untuk dianalisa. Ini tidak bermaksud sampel hendaklah diambil seberat 10% daripada keseluruhan berat dadah heroin. Tetapi jika beberapa receptacle diambil sampelnya, ialah hendaklah 10% daripada berat setiap receptacle (lihat perenggan 10).

(3) Ujian perwakilan yang dijalankan oleh Ahli Kimia dalam kes ini tidak mengikuti peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, tidak bolehlah disimpulkan bahawa baki bahan yang tidak diuji itu adalah juga heroin (lihat perenggan 11).

(4) Atas keterangan yang ada, mahkamah mempunyai budi bicara untuk membuat pindaan jika tidak tentu sekali tertuduh akan dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri (lihat perenggan 12).

(5) Walaupun tempoh tahanan harus diambil kira tetapi ia bukan suatu kemestian setiap hukuman penjara hendak bermula dari tarikh tertuduh ditangkap. Tiada peruntukan Akta menyatakan sedemikian. Ini bermakna undang-undang memberi budi bicara yang luas kepada mahkamah bila menjatuhkan hukuman (lihat perenggan 14).

[English summary

The accused was found with physical possession of heroin drugs when he entered Bukit Kayu Hitam Station, Kedah from Thailand. Accused subsequently charged under s 39B Dangerous Drugs Act 1952. At the end of prosecution case, the court held that the prosecution had failed to prove a prima facie case as charged but succeeded to prove prima facie case under s 12(2) Dangerous Drugs Act 1952. The court thereafter passed a sentence under s 12(3) Dangerous Drugs Act 1952.

Held, the accused was found guilty under s 12(2) Dangerous Drugs Act 1952:

(1) The prosecution had succeeded to prove that the heroin drug was in the accused's physical possession and the accused aware of the existence of the said prohibited item due to the fact that it was properly hidden to avoid it from being detected (see para 7).

(2) From SP4's evidence, the sample which was taken for test was in fact less than 10% for every receptacle. Every receptacle from the represent

sample must not less than 10% for analysis. This did not mean that the sample must be taken of 10% weight from the total weight of the heroin drug. But if certain receptacle which was taken for sample, it must be of 10% from the weight of each receptacle (see para 10).

(3) Representation test which was conducted by the chemist in this case was irregular. Due to that, it will not be necessary to conclude that the balance of substance which was not analyzed would also be heroin (see para 11).

(4) Based on the existing evidence, the court has discretion to make an amendment if not, certainly the accused will be discharged and acquitted without calling his defence (see para 12).

(5) Although the detention duration was also to be taken into consideration but it is not necessarily compulsory for each sentence to run from the day of arrest. There is no provision in the Act states so. This means the law gives a wide discretionary power to the court when it comes to sentencing (see para 14).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai memiliki dadah, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 4277–4279.

Untuk kes-kes mengenai s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Malaysia), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 173–176.

Untuk kes-kes mengenai s 37(j) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Malaysia), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 239–242.

Untuk kes-kes mengenai s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Malaysia), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 263–307.

Kes-kes yang dirujuk

Leow Nghee Lim v Rey [1995] 22 MLJ 28 (dirujuk)

Leong Bon Huat v PP [1993] 3 MLJ 11 (dirujuk)

Loo Kia Meng v PP [2000] 2 MLJ 664 (dirujuk)

PP v Poh Ah Kwang [2003] MLJU 142 (dirujuk)

Toh Su Kuan v PP Court of Appeal No D–05–82–1998 (unreported) (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12, 37(j), 39B

Shahrul Rizal A. Majid (Timbalan Pendakwa Raya)(Jabatan Peguam Negara Malaysia) bagi pihak pendakwaan

Karpal Singh (Jagdeep Singh Deo bersama-sama beliau) (Karpal Singh & Co) bagi pihak tertuduh

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Dalam kes ini tertuduh dihadapkan atas tuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 28 Januari 2000 pada lebih kurang jam 8.40 pagi di Kompleks Imigresen, Bukit Kayu Hitam, di dalam Daerah Kubang Pasu didalam Negeri Kedah Darulaman, telah memperedar dadah berbahaya iaitu 1564.1 gram Heroin dan ini bertentangan dengan peruntukkan perenggan (a) seksyen kecil (1) s 39B, Akta Dadah Berbahaya, 1952, (Akta 234 Semakan 1980) dan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan dan kamu boleh dihukum di bawah seksyen kecil (2) s 39B Akta yang sama tersebut.

[2] Di akhir kes pendakwaan, setelah meneliti keterangan 10 orang saksi yang dikemukakan serta dibantu oleh penghujahan pihak pembelaan dan pihak pendakwaan saya dapati pendakwaan gagal menegakkan suatu kes prima facie seperti pertuduhan, tetapi saya dapati pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie di bawah peruntukan s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan membawa hukuman di bawah s 12(3) Akta yang sama.

[3] Saya telah menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh selama tiga tahun enam bulan penjara dari tarikh hukuman diberi iaitu 27 November 2004 atas pertuduhan pindaan.

[4] Sehubungan dengan itu pihak pendakwa raya telah memfailkan notis rayuan terhadap keseluruhan keputusan saya. Manakala pihak tertuduh memfailkan notis rayuan terhadap hukuman sahaja.

[5] Berikut diperturunkan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan. Pada 28 Januari 2000, jam lebih kurang 8.40 pagi, sebuah teksi dari Negara Thailand memasuki Bahagian Kemasukkan Kenderaan di Stesyen Bukit Kayu Hitam, Kedah. Pegawai Kastam Hasmah ('SP6') yang bertugas di Bahagian tersebut bertanya pada tertuduh 'anything to declare' dan tertuduh hanya berdiam diri. SP6 bertanya soalan yang sama sebanyak dua kali dan tertuduh masih mendiamkan diri. SP6 kemudian telah meminta tertuduh turun dari teksi tersebut dan mengarah tertuduh membawa keluar sekali begnya. Di kaunter SP6 telah minta tertuduh membuka beg dan bertanya lagi 'anything to declare' tetapi tertuduh tetap berdiam diri. SP6 telah memaklumkan pada Pegawai Kastam Md Saad ('SP7'). SP7 kemudian mengarahkan tertuduh untuk masuk ke Pejabat Cawangan Pencegah ('pejabat') bersama dengan begnya.

[6] Di dalam pejabat, tertuduh telah meletak beg hitam ('P11') dan dairi foldernya ('P12') di atas meja. SP7 kemudian telah mengarahkan tertuduh mengeluarkan isi kandungan beg tersebut iaitu pakaian beliau. SP7 kemudian telah memeriksa beg tersebut dan dapati lapisan beg agak tebal dan berat. Pegawai Kastam Abdullah ('SP8') dan Pegawai Kastam Zainal ('SP9') juga berada di dalam pejabat. Kemudian mereka ambil jarum pengesan dan cucuk kulit folder dan bila tarik keluar jarum ada kesan putih begitu juga bila perkara yang sama dilakukan terhadap beg dan di kedua-dua sandal (P16 dan P17) kepunyaan tertuduh. Pegawai Kastam Saidi ('SP10') kemudian telah membuat pemeriksaan terhadap beg dan folder serta sandal tersebut iaitu dengan cara membuka lapisan beg, folder dan kedua-dua sandal dan menjumpai dadah heroin.

[7] Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan saya dapati pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa dadah heroin berada dalam milikan fizikal tertuduh dan juga tertuduh mengetahui kewujudan barang salah tersebut memandangkan ia disorok begitu rapi bagi menghindarkan daripada di kesan. Pihak pembelaan gagal menggugat kewibawaan saksi-saksi pendakwaan. Saya dapati bahawa beg ('P11') folder ('P12') dan sandal ('P16' dan 'P17') adalah kepunyaan tertuduh; sila lihat kes *Leow Nghee Lim v Rey* [1995] 22 MLJ 28.

[8] Fakta kes ini amat jelas dan saya menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan seperti SP6, SP7, SP8, SP9 dan SP10. Adalah suatu fakta yang tidak dapat dipertikaikan tertuduh berada di tempat kejadian pada masa yang material seperti pertuduhan dan dadah heroin dijumpai daripada barang-barang kepunyaan tertuduh yang sepenuhnya menguasai dan mengawal barang-barang tersebut.

[9] Saya mendapati kes pendakwaan tidak terbukti seperti pertuduhan asal berasaskan penolakan saya mengenai keterangan ahli kimia ('SP4'). Saya bersetuju dengan hujah peguam tertuduh bahawa terdapat keraguan dan kesahihan berat barang salah. Seperti dikehendaki oleh peruntukan s 37(j) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) iaitu:

> .... it shall be sufficient to analyse samples of the contents of a number not less than ten percentum of such receptacle.

[10] Daripada keterangan SP4, sampel yang diambil untuk ujian adalah kurang dari 10% setiap receptacle. Pada pendapat saya setiap receptacle hendaklah diwakili sampel tidak kurang daripada 10% untuk di analisa. Saya tidak bermaksud sampel hendaklah diambil seberat 10% daripada keseluruhan berat dadah heroin. Tetapi jika beberapa receptacle diambil sampelnya, ialah hendaklah 10% daripada berat setiap receptacle; sila lihat

kes *Toh Su Kuan v Public Prosecutor* Court of Appeal No D–05–82–1998 (unreported); *Public Prosecutor v Poh Ah Kwang* [2003] MLJU 142; *Leong Bon Huat v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 11; *Loo Kia Meng v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 664.

[11] Dengan itu saya memutuskan bahawa ujian perwakilan yang dijalankan oleh Ahli Kimia dalam kes ini tidak mengikuti peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, tidak bolehlah disimpulkan bahawa baki bahan yang tidak diuji itu adalah juga heroin. Apa yang ada di Mahkamah adalah dadah jenis heroin seberat 1.003 gram yang telah dilakukan ujian dan disahkan sebagai heroin. Mahkamah tidak mempunyai pilihan lain melainkan meminda pertuduhan berdasarkan keterangan yang ada. Saya dapati wujudnya suatu prima facie kes untuk memanggil tertuduh membela diri di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki heroin tersebut seberat 1.003 gram. Tertuduh telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan.

[12] Saya berpendapat atas keterangan yang ada, saya mempunyai budi bicara untuk membuat pindaan jika tidak tentu sekali tertuduh akan dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Pindaan yang dibuat adalah hanya disandarkan keraguan saya tentang kesahihan analisa yang dilakukan oleh SP4. Itu sahaja persoalannya.

[13] Tertuduh tidak berpuas hati dengan keputusan atas hukuman sahaja. Saya telah menjatuhkan hukuman di bawah peruntukan s 12(3) Akta yang membawa denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali.

[14] Berkemungkinan tertuduh terkilan dengan tarikh hukuman penjara berkuatkuasa. Saya memerintahkan hukuman penjara selama tiga tahun enam bulan bermula pada hari saya memberi keputusan iaitu 27 November 2004. Memberi hukuman adalah budi bicara mahkamah. Saya menggunakan budi bicara tersebut bukan secara melulu. Saya mengambil kira fakta kes dan juga rayuan keringanan oleh peguamnya. Pada hemat saya walaupun tempoh tahanan harus diambil kira tetapi ia bukan suatu kemestian setiap hukuman penjara hendak bermula dari tarikh tertuduh ditangkap. Saya dapati tiada peruntukan Akta menyatakan sedemikian. Ini bermakna undang-undang memberi budi bicara yang luas kepada mahkamah bila menjatuhkan hukuman.

[15] Jika ditatap fakta kes jelas tertuduh bermaksud menyeludupkan dadah dengan merancang rapi. Sandalnya, foldernya dan begnya mempunyai 'compartment' khusus bagi tujuan penyeludupan. Saya membuat pindaan di bawah kesalahan milikan hanya atas pendapat bahawa SP4 tidak menuruti

peruntukan s 37(j) Akta. Jika seksyen tersebut di ikuti sudah tentu tertuduh menerima padah di bawah kesalahan mengedar dadah.

[16] Sehubungan dengan itu pada pertimbangan saya hukuman yang saya beri adalah setimpal dengan kesalahan. Jika saya mengambil kira tempoh tahanan, berkemungkinan saya akan menjatuhkan penjara yang lebih lama bersama dengan denda.

Tertuduh didapati bersalah di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Reported by Brendan Navin Siva